

1. PENYEMPURNAAN PROJEK JOHOR CITY GALLERY- PLAN MALAYSIA

12/12/2023 | Selasa



Penyempurnaan bagi kerja-kerja bekalan dan perkhidmatan Johor City Gallery di Bangunan Kerajaan Negeri Johor untuk PlanMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor).



Syarikat CTSB telah bekerjasama dengan syarikat NetQlix untuk bersama sama dalam menjayakan projek ini untuk Plan Malaysia. Ini adalah salah satu pencapaian yang baik bagi permulaan syarikat CTSB dalam menceburi industri 'data repository' dan pembangunan galeri berkaitan bandar pintar.



2. PROGRAM EKSPLORASI TEKNOLOGI MASA DEPAN BERSAMA CYBER ROBOTICS MALAYSIA DAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

Program Eksplorasi Teknologi Masa Depan telah dianjurkan oleh UTHM dengan kerjasama Syarikat CTSB. Program ini bertujuan untuk memberi penerangan dan menarik minat mahasiswa ke arah pendigitalan dan berminda teknologi keusahawanan melalui pendedahan kepada teknologi robotic, perkomputeran, mesin pencetak 3D serta perkongsian daripada pihak industri.



Program ini telah disertai oleh 30 orang pelajar bersama pensyarah. Melalui program ini dapat mengasah kemahiran dan praktikkan teori yang dipelajari dan menimba pengalaman baru bagi aktiviti yang dilaksanakan.



Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada mahasiswa untuk memelopori bidang Sains, Inovasi dan Teknologi ke arah masa depan yang lebih cerah dan celik teknologi.